

Hubungi bomba dulu

*Jangan utamakan
ambil gambar, video
di lokasi
kemalangan*

SITI SAFA MOHD NOR

LUMUT

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia meminta orang awam untuk menghubungi jabatan itu terlebih dahulu berbanding mengambil gambar sesuatu kejadian bagi memastikan operasi penyelamatan dapat dijalankan pada kadar segera.

Ketua Pengarah Bomba Malaysia, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata tindakan orang ramai yang suka mengambil gambar sebelum menghubungi bomba antara faktor pasukan penyelamat lambat menerima panggilan kecemasan.

"Orang awam jangan hanya sibuk merakam gambar atau video sahaja tentang kejadian kecemasan yang berlaku tapi segera

hubungi bomba atau pasukan keselamatan supaya tindakan segera boleh diambil.

"Terdapat rungutan daripada orang awam mengatakan pihak bomba lambat tiba di lokasi kejadian apabila berlaku kecemasan, namun apabila disiasat perkara itu berlaku disebabkan bomba lambat menerima panggilan," katanya pada sidang media selepas Majlis Anugerah Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan sijil perkhidmatan 30 tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Perak 2017 di Intan Ballroom The Orient Star Resort di sini semalam.

Dalam majlis itu seramai 142 anggota dan pegawai JBPM Perak menerima anugerah dalam kategori masing-masing.

Sementara itu, Wan Mohd Nor berkata, anugerah diberikan itu adalah sebagai salah satu cara untuk menghargai segala jasa dan pengorbanan anggota.

"Kita ada anugerah Hero di mana anggota yang berjaya menyelamatkan mangsa dalam sesuatu kecemasan contohnya kebakaran akan diberikan penghargaan ini," katanya.



Wan Mohd Nor memakaikan pingat kebesaran jabatan kepada seorang pegawai yang terpilih, semalam.